

# Tuah umpan cacing Wan Ahmad bawa pulang RM7,000

**PEKAN 11 Nov.** – Pemilihan umpan cacing membawa tuah kepada seorang lelaki apabila ia dimakan ikan keli Afrika seberat 3.97 kilogram (kg) sekali gus menobatkannya sebagai juara Pertandingan Memancing Terbuka sempena Eksposkonto Universiti Malaysia Pahang (UMP) di tasik universiti berkenaan di sini, hari ini.

Wan Ahmad Fauzi Wan Mahamud, 52, tidak menyangka cacing yang digali di laman rumah dan kebunnya di Balok Perdana di sini dimakan ikan keli Afrika tersebut sebelum menaikkannya ke darat bagi membolehkannya menjurau pertandingan anjuran UMP bersama *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* itu.

Bapa kepada lima orang anak itu berbuka, dia tidak menyangka hadiah wang tunai RM7,000 menjadi miliknya setelah lebih dua jam menunggu umpannya disambar ikan.

"Saya mengambil masa kira-kira 20 minit 'bertarung' dengan ikan ini. Ini kali kedua saya menyertai pertandingan memancing di UMP yang mana kali pertama pada September lalu," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* pada majlis penyampaian hadiah pertandingan itu di Pusat Rekreasi Air UMP.

Hadiyah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yusserie Zainuddin.

Yang turut hadir, Pengarah



**YUSERRIE ZAINUDDIN** (tiga dari kanan) dan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman (dua dari kiri) bersama Wan Ahmad Fauzi Wan Mahamud (dua dari kanan) serta pemancing-pemancing lain yang memenangi Pertandingan Memancing Terbuka sempena Eksposkonto UMP di Pekan, Pahang semalam. Turut sama, Mohd. Shariza Abdullah (kanan).

Urusan UMP Holdings Sdn. Bhd., Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Ketua Biro *Utusan Malaysia* Pahang, Mohd. Shariza Abdullah.

Tempat kedua pertandingan itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM2,500 dimenangi oleh Abdul Mutualib Mohd. Keteh, 44, dari Pekan selepas menaikkan ikan keli seberat 3.165 kg.

Tempat ketiga pula menjadi milik Dono Nario Sarbani, 41, dari Taman

Indera Sempurna di sini yang berjaya menaikkan ikan keli seberat 3.056 kg untuk membolehkannya membawa pulang wang tunai RM1,000.

Pertandingan memancing terbuka kali kedua itu menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM16,000 dan peserta hanya perlu membayar yuran penyertaan RM40 untuk sebatang joran.

Penganjurannya antara lain sebagai platform dalam memperkenalkan UMP Pekan di sam-

ping menjalinkan hubungan baik dengan komuniti setempat.

Sementara itu, Yusserie berkata, UMP dengan kerjasama Kumpulan Utusan merancang untuk mengadakan lebih banyak pertandingan memancing pada tahun depan.

"Kita merancang untuk mengadakannya lebih daripada sekali yang mana pertandingan sempena pesta konvoikesyen menjadi penutup," katanya.